

KENYATAAN MEDIA

PROJEK JEJANTAS PEJALAN KAKI DI PINTU MASUK KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS), KOTA SAMARAHAN

Kota Samarahan, Sarawak : Jejantas pejalan kaki bernilai RM4.5 juta yang tersergam indah di pintu masuk kampus Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Kota Samarahan, adalah yang pertama di negeri itu yang menyediakan kemudahan untuk laluan motorsikal, selain untuk pejalan kaki.

Ia yang mula dibuka kepada orang ramai sejak Ogos 2016 adalah simbolik untuk Kota Samarahan sebagai kota ilmu, dengan lokasi pembinaannya berhampiran menara gading, UNIMAS, yang menjadi kebanggaan rakyat Sarawak, sekali gus menjadi pintu gerbang untuk memasuki Kota Samarahan.

Ia adalah satu inisiatif kerajaan untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya terutamanya pelajar dan warga UNIMAS dari kawasan perumahan Taman Desa Ilmu yang terletak di seberang pusat pengajian tinggi awam itu.

Konsep pembinaan yang diketengahkan lebih menjurus kepada identiti Sarawak, manakala lebar untuk laluan pejalan kaki adalah 1.5 meter dan untuk laluan motorsikal adalah 2.5 meter. Sistem pencahayaan bagi jejantas ini pula menggunakan teknologi solar dan lampu LED.

Jalan Kuching / Samarahan / Asajaya merupakan laluan yang mempunyai aliran trafik yang tinggi pada waktu puncak, justeru pembinaan jejantas ini di laluan berkenaan amat bermanfaat bagi mengurangkan risiko kemalangan di kawasan itu.

1/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Pembinaan jejantas ini bukan sahaja akan meningkatkan lagi keselamatan pejalan kaki dan penunggang motosikal yang mahu menyeberang di laluan berkenaan, malah dapat menjimatkan masa dan mengurangkan jarak perjalanan pengguna.

Bagi pengguna daripada Asajaya, mereka tidak perlu mengelilingi bulatan Jalan Entingan dengan jarak perjalanan dapat dikurangkan kepada 300 meter daripada 3.2 kilometer. Manakala bagi pengguna daripada kampus UNIMAS ke kawasan perumahan Taman Desa Ilmu, mereka tidak perlu mengelilingi bulatan Jalan Datuk Muhammad Musa apabila menggunakan jejantas ini.

Sementara itu, Majlis Daerah Samarahan (MDS) telah bersetuju untuk mengambil alih penyelenggaraan jejantas ini. Adalah diharapkan jambatan ini akan dimanfaatkan sebaik mungkin dan tidak disalahgunakan untuk tujuan berkumpul atau melepak. Ini kerana tidak harus ada halangan di jejantas berkenaan, demi keselesaan pengguna khususnya pejalan kaki serta penunggang motorsikal yang menggunakan jejantas itu.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

1 OKTOBER 2016

2/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

Telefon : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my